

Jangan anggap tidak demokratik

UM 25 MAY 2005
SHAH ALAM 24 Mei — Cadangan Tun Dr. Mahathir Mohamad supaya kerajaan menyekat akses kepada bahan lucah di Internet tidak harus dianggap sebagai tidak demokratik, sebaliknya perlu dilihat sebagai satu usaha memastikan rakyat negara ini hanya mendapat maklumat yang berguna.

Timbalan Menteri Penerangan, Datuk Zainuddin Maidin berkata, sebagai sebuah negara yang berpegang teguh kepada budaya timur, Malaysia perlu melakukan penyesuaian kepada persekitarannya supaya rakyat tidak dirosakkan.

“Bukan kita tidak berpegang pada demokrasi tetapi demokrasi kita seharusnya boleh disesuaikan dengan keadaan. Kita bukannya hendak menyekat akses Internet tetapi kita mahu rakyat negara ini memilih bahan berkualiti, berguna dan berilmu di Internet,” katanya kepada pemberita selepas merasmikan Seminar Kecemerlangan Bekerja Dari Perspektif Islam Hadhari anjuran Kementerian Penerangan peringkat Zon Tengah, di sini, hari ini.